

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/1989

B00 335/2 Mikologi

Tarikh: 4 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

.../2

Bahagian A (Wajib)

1. Bincangkan secara ringkas pertumbuhan, nutrisi dan cara kehidupan kulat.

(20 markah)

2. Gariskasarkan sistem pengelasan kulat yang dicadangkan oleh C.J. Alexopoulos dan C.W. Mims kepada peringkat kelasnya. Apakah perbezaan di antara sistem pengelasan tersebut dan sistem dicadangkan oleh G.C. Ainsworth?

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:)

3. (a) Dengan menggunakan contoh kitar hidup Myxomycetes, bincangkan ciri-ciri biologi yang unik untuk kelas ini.

(15 markah)

- (b) Apakah sel konidiogenus? Huraikan pelbagai cara ontogeni konidium yang terdapat dalam Deuteromycetes. Di mana perlu, berikan contoh dan gambarajah yang sesuai.

(15 markah)

.../3

4. (a) Bincangkan kepentingan ekonomi kulat.

(15 markah)

- (b) Dengan menggunakan contoh dan gambarajah, huraikan struktur dan pelbagai morfologi jasad buah Ascomycetes.

(15 markah)

5. Jelaskan perbezaan di antara pasangan istilah/organisma yang berikut:- Di mana perlu, berikan gambarajah yang sesuai untuk membantu penjelasan anda:-

- (a) monoplanetisme dan diplanetisme
- (b) mikoriza dan rizomorf
- (c) holobasidium dan fragmobasidium
- (d) Aspergillus dan Penicillium
- (e) Ustilago dan Puccinia

(30 markah)